

Untuk simpan semua dokumen
mengenai tanah di setiap negeri -PM

'KABINET AKAN BELI MESIN MIKROFILEM

KUALALUMPUR 5 Dis. -- Kabinet telah bersetuju untuk membeli 12 mesin mikrofilem bagi setiap negeri supaya kesemua dokumen mengenai tanah dapat disimpan dengan selamat, kata Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, mesin-mesin mikrofilem itu akan ditempatkan di pejabat-pejabat tanah negeri di mana semua dokumen tanah termasuk geran dapat disimpan dengan selamat dalam bentuk mikrofilem.

Perdana Menteri berkata demikian dalam sidang akhbarinya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tanah Negara di bangunan Parlimen di sini hari ini.

Percepat proses

Menurut beliau lagi, langkah tersebut adalah bagi memastikan semua dokumen dipelihara dengan baik dan segala maklumat penting mengenai tanah tidak akan hilang terutama apabila berlaku kebakaran.

Di samping itu juga, mesyuarat hari ini bersetuju dengan program mengkomputerkan urusan kedudukan tanah di seluruh negara bagi mempercepatkan proses untuk mengetahui kedudukan pemilikan tanah.

Mesyuarat kali ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri kerana Encik Ghafar Baba masih lagi bercuti. Biasanya Timbalan Perdana Menteri yang mempengerusikan mesyuarat berkenaan.